

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI
BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina mengikut kawasan Parlimen dari 2018 sehingga 2022.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan menerusi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan sesi libat urus dengan entiti penyedia rumah untuk mengenal pasti sasaran dan strategi pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) bagi tempoh 2018 hingga 2028, supaya perancangan pembangunan perumahan awam dan mampu milik dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Lanjutan daripada itu, sesi pemurnian data sedang dilaksanakan dengan entiti penyedia rumah tersebut bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh dan terperinci termasuk pelaksanaannya.

2. Sasaran awal pelaksanaan RMM yang telah dicadangkan adalah seperti berikut:
 - i. KPKT - 546,000 unit;
 - ii. Lain-lain Kementerian - 155,788 unit;
 - iii. Kerajaan Negeri - 153,212 unit; dan
 - iv. Pihak swasta - 145,000 unit.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 juga telah membincangkan isu berhubung pelaksanaan 1 Juta RMM serta pemantauannya.

Sekian, terima kasih.